

Kerjasama UUM, LADA tanam bakau di Sungai Kilim

Program mensasarkan pemuliharaan hutan bakau dan pembangunan komuniti

Oleh Siti Fatimah Abdullah
bhpendidikan@bh.com.my

Langkawi: Fungsi pokok bakau sebagai pelindung ekosistem hidupan akuatik dan penampakan semula jadi bagi mencegah hakisan sudah cukup membuktikan kepentingannya.

Menyedari hal itu, Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC), Universiti Utara Malaysia (UUM) baru-baru ini menganjurkan program penanaman pokok bakau di kawasan sekitar Sungai Kilim, Mukim Air Hangat, Langkawi.

Penolong Naib Canselor, Prof Dr Ram Al-Jafri Saad, berkata program itu bukan saja mensasarkan pemuliharaan hutan bakau tetapi juga pembangunan komuniti.

Ia juga bagi menyahut saranan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) yang meletakkan sasaran sebanyak 2,000 pokok bakau dita-



Ram Al-Jafri Saad (kiri) dan Dr Chandrakantan turut mengambil kesempatan menanam pokok bakau.

nam di sekitar Langkawi hingga akhir 2023.

Penyemaian benih

“Penanaman pokok itu penting dalam menjaga pesisiran pantai daripada ancaman hakisan arus ombak yang kuat selain memelihara ekosistem di kawasan paya bakau di Sungai Kilim ini.

“Ia juga diharap dapat mengurangkan kemusnahan akibat kejadian alam semula jadi dan hakisan tanah.

“Malah ia dijangka dapat mewujudkan zon penampaian bagi menahan kekuatan ombak dan angin kencang serta mencegah pencemaran alam sekitar,” katanya.

Selain mendapat kerjasama LADA, program itu turut membabitkan Kumpulan Affin Bank

Berhad, serta penduduk setempat. Projek berkenaan membabitkan penyemaian benih dan penanaman bakau daripada spesis bakau minyak (*Rhizophora Apiculata*) dan bakau kurap (*Rhizophora Mucronata*).

Sementara itu, Pengarah CUIC, Prof Dr Chandrakantan Subramaniam, berkata Sungai Kilim dipilih kerana ekosistem pinggir pantai dan paya bakau.

Katanya, memulihkan habitat pesisiran pantai yang menjadi kori-dor kepada kepelbagai biologi dapat memperkayakan sumber hasil pantai selain meningkatkan kualiti alam sekitar.

“Ia juga memberi nilai tambah kepada faktor estetika pulau ini yang mampu menarik perhatian pelancong,” katanya.